

PENGGALIAN KUBUR DI BLOK 23, 24, 25, 26, N-429, N-1-1 DAN N-1-2 DI TANAH PERKUBURAN ISLAM CHOA CHU KANG (PUSARA ABADI) [FASA 10]

Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) menjalankan program penggalian semula secara berfasa di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang bagi memastikan penggunaan tanah yang mampan untuk pengebumian pada masa hadapan.

Kubur-kubur di Blok 23, 24, 25, 26, N-429, N-1-1 dan N-1-2 akan digali selepas tarikh tutup pendaftaran (sila rujuk peta lokasi). Sisa jenazah akan dikebumikan semula di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang. NEA telah melantik Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) untuk menjalankan perkhidmatan pendaftaran, pengesahan, penggalian, pengkafanan dan pengebumian semula bagi penggalian Fasa 10 ini.


KUBUR UTAMA

Ahli keluarga digalakkan untuk menuntut sisa jenazah waris terdekat mereka (dipanggil **“Mayat Utama”**) yang dikebumikan di blok-blok tanah perkuburan ini. Tempoh tuntutan adalah selama **satu tahun** dari 10 Jun 2025 hingga 9 Jun 2026. Kerajaan akan menanggung semua kos penggalian dan pengebumian semula. Bagi Kubur Utama, jika terdapat **bantahan bertulis** yang dikemukakan kepada MUIS oleh mana-mana ahli keluarga dan tidak dapat diselesaikan, tuntutan tersebut akan dibatalkan dan sisa jenazah akan digali sebagai tidak dituntut (bermaksud penggalian akan diteruskan tanpa sebarang tuntutan daripada keluarga).

KUBUR TAMBAHAN

Ahli keluarga juga boleh menuntut sisa jenazah ahli keluarga yang lain (dipanggil **“Mayat Tambahan”**) yang dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang di luar Blok 23, 24, 25, 26, N-429, N-1-1 dan N-1-2 yang mempunyai **pertalian kekeluargaan dengan Mayat Utama** agar sisa jenazah daripada keluarga yang sama dapat dikebumikan di dalam plot yang sama atau bersebelahan. Mayat Tambahan mesti memenuhi tempoh pengebumian **minima selama 15 tahun** sebelum tarikh tutup pendaftaran.

Mayat Tambahan hendaklah mempunyai pertalian kekeluargaan dengan Mayat Utama seperti berikut:



- Bagi setiap pendaftaran Kubur Tambahan, **bayaran tidak dikembalikan sebanyak \$80** (sebelum GST) bagi setiap kubur akan dikenakan.
- Sekiranya ada ahli keluarga mengemukakan **bantahan bertulis** kepada MUIS berkenaan pendaftaran atau penggalian Kubur Tambahan, pendaftaran tersebut akan dibatalkan dan penggalian tidak akan diteruskan.
- Ahli keluarga harus mengemukakan Sijil Kematian atau Pengebumian untuk mendaftar bagi Kubur Tambahan. Sebagai alternatif, mereka boleh mendapatkan **eskrak pengebumian** daripada Pejabat Tanah Perkuburan Choa Chu Kang NEA dengan bayaran **\$20** (termasuk GST)

Peta Lokasi Tanah Perkuburan Choa Chu Kang

Pejabat Penggalian Tanah Perkuburan Islam (MCEO)
7 Muslim Cemetery Path 3, Singapore 718773
(Bersebelahan Masjid Pusara Aman)

Bas:

- Sepanjang Jalan Bahar (Masjid Pusara Aman)
 - 172 (dari Boon Lay Interchange)
 - 405 (pada hujung minggu & Cuti Umum)
- Sepanjang Old Choa Chu Kang Road
 - 172 (dari CCK Interchange)
 - 975

Kereta / Motosikal:

- Sepanjang Jalan Bahar (Masjid Pusara Aman)
 - Tempat Letak Kereta Awam A
- Old Choa Chu Kang Road
 - Tempat Letak Kereta Awam B1

 **KUBUR YANG TERJEJAS PADA FASA 10**

Peta tidak dilukis mengikut skala



Jalan Lim Chu Kang (diselaraskan semula pada 8 Jun 2025)
Sila rujuk siaran notis LTA untuk maklumat lanjut mengenai pembukaan Jalan Lim Chu Kang yang baharu melalui laman web mereka www.lta.gov.sg, atau layari www.pusara.sg untuk maklumat terkini.

CARA MEMBUAT TUNTUTAN

PENDAFTARAN DAN PENGESAHAN KUBUR

1. Dari **Selasa, 10 Jun 2025, 9.00 pagi**, Penuntut digalakkan untuk mendaftar secara **dalam talian** menggunakan **Singpass** menerusi www.pusara.sg untuk menuntut sisa jenazah waris terdekat mereka. Penuntut yang tidak dapat mendaftar dalam talian, janji temu boleh dibuat melalui lelamen web untuk mengunjungi Pejabat Penggalian Tanah Perkuburan Islam (MCEO).
 2. Dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran: Kad Pengenalan (NRIC) Penuntut, Sijil Kematian atau Pengebumian, dan jika berkenaan, Kebenaran Bertulis daripada ahli keluarga kandung (untuk Kubur Utama sahaja). Dokumen sokongan, termasuk dokumen undang-undang bagi anak angkat, diperlukan jika berkenaan.
 3. Penuntut bertanggungjawab untuk mendapatkan persetujuan daripada semua ahli keluarga dan saudara-mara sebelum meneruskan tuntutan.
 4. Penuntut perlu mengesahkan kubur utama yang ingin dituntut secara dalam talian semasa membuat tuntutan dalam talian. Penuntut perlu membuat janji temu untuk pengesahan kubur secara fizikal, jika diperlukan.
 5. Penuntut yang telah mengemukakan tuntutan secara dalam talian bagi Kubur Utama, boleh membuat tuntutan bagi Kubur Tambahan dengan menyerahkan borang secara fizikal di MCEO bersama dokumen sokongan dan bayaran yuran. Janji temu boleh dibuat melalui lelamen web.
 6. Setelah pendaftaran dalam talian berjaya, Penuntut utama akan menerima pengesahan melalui emel dan SMS. Permohonan akan diproses dan Penuntut akan dimaklumkan tentang tarikh penggalian kemudian.
 7. Penuntut mesti memaklumkan kepada MUIS secara bertulis mengenai sebarang perubahan pada alamat atau nombor telefon mereka.
 8. Pendaftaran awal tidak menjamin tarikh penggalian yang lebih awal, kerana **jadual penggalian ditentukan berdasarkan keperluan operasi**.
 9. Semua pendaftaran tuntutan mesti mematuhi **Terma dan Syarat*** semasa berkaitan penggalian kubur yang ditetapkan oleh NEA dan MUIS.
*Terma dan Syarat tersedia di lelamen web
 10. Lawatan ke MCEO adalah melalui janji temu sahaja. Sila buat janji temu melalui sistem pendaftaran dalam talian atau hubungi 6238 4504.
- Nota: Keutamaan akan diberikan kepada Penuntut yang mempunyai janji temu berbanding Penuntut yang terus hadir tanpa janji temu.
11. Pendaftaran akan ditutup pada hari **Selasa, 9 Jun 2026**.

Pejabat Penggalian Tanah Perkuburan Islam (MCEO)
7 Muslim Cemetery Path 3 Singapura 718773
(Bersebelahan Masjid Pusara Aman)

Isnin - Khamis	8.30pagi – 12.30ptg 1.30ptg – 4.30ptg
Jumaat	8.30pagi – 12.30ptg 2.30ptg – 4.30ptg
Sabtu, Ahad dan Hari Cuti Umum	Tutup

Emel: info@pusara.sg
Tel: 6238 4504
Lelaman web: www.pusara.sg

**SILA IMBAS KOD QR UNTUK
LAYARI LELAMAN WEB**



- Pendaftaran dalam talian digalakkan
- Lelaman web menyediakan maklumat tambahan

PENGGALIAN DAN PENGEBUMIAN SEMULA

1. Setiap kubur akan digali secara individu oleh kontraktor di bawah pengawasan rapat MUIS. Penggalian akan dijalankan sekitar bulan Jun 2026.
2. Penuntut akan diberitahu nanti melalui emel dan SMS tentang tarikh penggalian.
3. Penuntut dan ahli keluarga harus memaklumkan kepada MUIS sekiranya mereka ingin menyaksikan proses penggalian semula, sama ada secara penuh atau sebahagian. Jika tidak dapat hadir, Penuntut boleh mewakili ahli keluarga yang lain atau MUIS untuk bertindak bagi pihak mereka melalui Kebenaran Bertulis. Untuk sebarang perubahan, sila maklumkan kepada MUIS di talian 6238 4504 atau info@pusara.sg sekurang-kurangnya **dua minggu** sebelum tarikh penggalian.
4. Semasa penggalian, kubur akan digali hingga tanah asal (*liang lahad*) untuk mendapatkan sisa jenazah. Sisa jenazah akan dikafankan dengan kain putih dan dikebumikan semula. Jika tiada sisa ditemui, sejumlah kecil tanah kubur akan diambil untuk pengebumian semula.
5. Tiada doa khas, seperti bacaan *‘Talkin’* (peringatan ringkas) akan dikendalikan untuk sisa jenazah, kerana tiada keperluan dari segi agama.
6. Sisa jenazah akan dikebumikan semula di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang pada hari penggalian yang sama.
7. Penuntut akan menerima dokumen pengebumian semula daripada pihak MUIS yang menyatakan nombor blok dan plot yang baharu.
8. Sisa jenazah akan dikebumikan semula mengikut **garis panduan Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA)***:
 - **8 sisa jenazah dalam satu plot bagi kubur yang dituntut.**
 - **16 sisa jenazah dalam satu plot bagi kubur yang tidak dituntut.**

(*) tertakluk kepada saiz sisa jenazah

PENGEBUMIAN SEMULA DI LUAR SINGAPURA

Untuk mengebumikan semula sisa jenazah di luar Singapura, sila maklumkan kepada MUIS dan anda harus mendapatkan **Permit Keranda** daripada NEA. Permit ini berharga \$17.50 (termasuk GST). Keranda mesti dimeterai secara kedap udara. Hantarkan permohonan anda kepada NEA di:

Port Health Office
4545 Jalan Bukit Merah
Singapura 159466

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi **6222 2585**.
Segala kos eksport yang berkaitan akan ditanggung oleh Penuntut.

KUBUR YANG TIDAK DITUNTUT

Semua kubur akan digali, dan sisa jenazah akan dikebumikan semula di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang. Proses penggalian akan diawasi oleh MUIS.

NEA akan menyimpan semua rekod pengebumian semula dalam pangkalan data mereka.

Bagi pertanyaan mengenai rekod pengebumian semula daripada fasa-fasa yang lalu, sila kemukakan pertanyaan anda secara elektronik melalui info@muis.gov.sg

Maklumat di atas tertakluk pada perubahan. Sila layari www.pusara.sg untuk maklumat terkini.